

UNIT 6

PERAYAAN MASYARAKAT DI MALAYSIA



NOTA EFEKTIF

PERAYAAN UTAMA MASYARAKAT DI MALAYSIA



Perayaan	Pernyataan
Hari Raya Aidilfitri	- Disambut oleh masyarakat Islam. - Diraikan 1 Syawal dalam bulan Islam. - Menandakan gembira selepas umat Islam menjalani ibadah puasa sebulan.
Hari Raya Aidiladha	- Disambut oleh masyarakat Islam. - Disambut pada 10 Zulhijjah mengikut kalendar Islam. - Diteruskan pada hari tasyrik pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah. - Ada ibadah korban dan daging korban disedekahkan.
Tahun Baharu Cina	- Disambut oleh masyarakat Cina. - Diraikan pada hari pertama menurut kalender Cina. - Perayaan bermula dengan seluruh ahli keluarga berkumpul untuk makan malam bersama-sama. - Perayaan ini berlarutan selama 15 hari hingga hari "Chap Goh Meh".
Deepavali	- Disambut pada bulan Aippasi mengikut kalendar masyarakat Hindu. - Perayaan yang menandakan kecerahan mengatasi kegelapan atau kebijaksanaan mengatasi kejahilan. - Penganutnya akan menghias rumah dengan "kolam" dan menyalakan pelita.
Thaipusam	- Diraikan pada bulan ke-10 menurut kalendar masyarakat Hindu yang jatuh pada bulan penuh antara akhir Januari hingga awal Februari. - Bagi pembayar niat, mereka membawa persembahan kepada Dewa Murugan sebagai tanda terima kasih atau meminta hajat lain.
Hari Gawai	- Disambut oleh kaum Dayak, Iban dan Bidayuh pada 1 Jun setiap tahun. - Menunjukkan tanda kesyukuran terhadap hasil tani yang diperoleh. - Persembahan ngajat turut diadakan di dalam rumah panjang ketika perayaan ini disambut.

Perayaan	Pernyataan
Pesta Keamatan	- Disambut oleh kaum Kadazandusun dan Murut pada bulan Mei setiap tahun. - Disambut oleh golongan petani bagi mensyukuri hasil tuaian. - Semasa pesta berlansung, diadakan upacara ritual Magavau oleh Bobohizan. - Tarian Sumazau dan pertandingan Unduk Ngadau diadakan bagi memeriahkan sambutan.
Krismas	- Disambut oleh penganut agama Kristian pada 25 Disember setiap tahun. - Diraikan bersempena dengan memperingati hari kelahiran Jesus Christ. - Pemberian hadiah dan nyanyian karol dari rumah ke rumah memeriahkan perayaan.
Hari Wesak	- Disambut oleh masyarakat beragama Buddha pada bulan Mei setiap tahun. - Perayaan ini dikaitkan dengan tiga peristiwa penting dalam hidup Siddharta Gautama, iaitu hari kelahiran, hari mencapai kesempurnaan fikiran dan hari nirwananya. - Ketika perayaan penganutnya akan memandikan patung Buddha Siddharta yang bermakna penyuci diri serta mengagihkan makanan kepada sami.
Vaisakhi	- Disambut oleh kaum sikh pada bulan keempat Vaisakh mengikut kalendar Sikh. - Pada 14 hari bulan Vaisakh, kaum sikh akan mengadakan upacara sembahyang di Guadwara. - Disambut bagi mensyukuri hasil tanaman. - Tarian Bhangra dan Gidha akan disambut di luar kawasan Gurdwara.
Sambutan Tahun Baharu Genggulang dan Hari Moyang.	- Adalah sambutan Tahun Baharu Orang asli. - Dikenali sebagai sambutan “Tahon Baro” bagi suku Jakun. - Suku Semai menyebutnya sebagai “Jis Pai”. - Suku Temuan mengenalinya sebagai “Tahun Bahauk”. Suku Mah Meri menyebutnya sebagai “Tawun Empai”. - Perayaan ini bermula 31 Disember setiap tahun. - Suku Semai meraikan Hari Genggulang dengan berdoa agar wujud kesejahteraan di kampung. - Masyarakat Orang Asli di Selangor dan Negeri Sembilan meraikan “Hari Moyang”.
San Pedro	- Disambut oleh masyarakat Portugis di Melaka pada bulan Jun setiap tahun. - Perayaan ini meraikan San Pedro iaitu penaung nelayan. - Kapal-kapal akan dihias indah oleh nelayan. - Tarian branyo yang diwarisi sejak dahulu lagi akan ditarikan pada hari tersebut.

TUJUAN PERAYAAN MASYARAKAT MALAYSIA



- 1 Menurut tuntutan agama – Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Krismas dan Thaipusam.
- 2 Meraikan Tahun Baharu – Tahun Baharu Cina, Tahun Baro, Jis Pai, Tahun Bahauk Tawun Empai.
- 3 Sebagai tanda kesyukuran – Hari Gawai, San Pedro, Vaisakhi, Pesta Kaamatan
- 4 Mengharapkan unsur baik mengatasi unsur kejahatan – Deepavali
- 5 Mengingati tokoh agama – Hari Wesak

CARA SAMBUTAN PERAYAAN DAHULU DAN KINI



Perayaan	Sambutan dahulu	Sambutan sekarang
Hari Raya Aidilfitri	– Mengambil foto keluarga di kedai – Kad ucapan dihantar melalui pos atau serahan tangan – Bahan dan kaedah tradisional digunakan bagi menyediakan kuih-muih.	– Swafoto bersama keluarga dan memuat naiknya di media sosial – Ucapan dihantar menggunakan media elektronik dan media sosial – Penggunaan peralatan moden atau kuih raya dibeli di pasar raya atau kedai.
Tahun Baharu Cina	– Makan besar di rumah bersama-sama ahli keluarga pada malam Tahun Baharu Cina	– Makan malam diadakan di restoran atau hotel.
Deepavali	– Menyediakan “kolam” yang diperbuat daripada tepung	– “Kolam” yang dihasilkan berwarna-warni yang diperbuat daripada beras dan hampas kelapa.
Hari Gawai	– Diraikan oleh golongan petani daripada kaum Dayak. – Mengadakan upacara ritual	– Diraikan oleh pelbagai kaum tanpa mengira bidang kerajaan.
Pesta Keamatan	– Pemilihan pemenang pertandingan Unduk Ngadau berdasarkan semangat Huminodun	– Pemilihan pemenang Unduk Ngadau berdasarkan sesi soal jawab mengenai sejarah dalam kehidupan masyarakat lampau.

AMALAN YANG TERUS KEKAL KETIKA SAMBUTAN PERAYAAN



- Tradisi balik kampung
- Amalan kunjung-mengunjung
- Pemberian duit raya/angpow